

# Melayu dan hutang

## AMP bantu selesai sebilangan kes

► **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

PUSAT Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP) telah menggalakan hampir 80 kes hutang anggota masyarakat Melayu melibatkan lebih \$1.7 juta dalam masa enam bulan selepas ia ditubuhkan April lalu.

Namun dengan bantuan DAC, jumlah hutang itu berjaya dikurangkan sebanyak 30 peratus kepada lebih \$1.2 juta kini.

Penasihat pusat itu, Encik Sani Hamid, berkata jumlah hutang itu dapat dikurangkan hasil rundingan dengan peminjam wang berlesen yang bersetuju mengurangkan bunga yang dikenakan atau kes itu melibatkan tailong dan oleh itu menjadikannya kes polis.

“Ada juga kes yang berakhir dengan kemuflihan... mereka tetap harus melunaskan pinjaman tetapi jumlah yang perlu dilunaskan dikurangkan dengan banyak,” kata Encik Sani, yang juga Pengarah Pengurusan Kekayaan (Strategi Eko-

nomi dan Pasaran) Financial Alliance.

Daripada 80 kes itu, tiga adalah individu bukan Melayu/Islam.

Tiga individu yang dibantu pusat itu akhirnya jatuh muflis selepas segala usaha seperti permohonan bantuan daripada bank dan Kaunseling Kredit Singapura (CCS) gagal.

Jumlah hutang tertinggi yang dicatatkan oleh seseorang individu adalah \$80,000 termasuk bunga dan jumlah hutang terendah adalah \$700, tidak termasuk bunga.

Lebih 90 peratus kes juga melibatkan hutang dengan lebih daripada satu pihak.

Kebanyakannya, atau 62 kes, melibatkan hutang sebanyak \$596,929 dengan peminjam wang berlesen, sementara 35 kes pula melibatkan hutang sebanyak \$779,272 dengan institusi kewangan, termasuk hutang kad kredit serta pinjaman ubah elok dan kenderaan.

Sebanyak 29 kes yang ditangani DAC sejauh ini juga melibatkan hutang yang mencecah \$236,900 dengan tailong.

Separuh daripada 80 kes itu melibatkan mereka yang mempunyai pendapatan keluarga kurang \$2,500 sebulan, sementara yang lain mengatakan mereka berhutang kerana pengurusan kewangan yang buruk, gaya hidup serta kegiatan berjudi.

Perangkaan itu didedahkan AMP kepada media menerusi sesi taklimat di pejabat badan itu di Kelab Masyarakat Pasir Ris East semalam.

Sesi itu turut dihadiri Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad; Pengarah Eksekutif AMP, Encik Mohd Anuar Yusop; dan pengurus yang bertanggungjawab atas operasi DAC, Cik Hameet Khaneet.

Hasil bantuan DAC yang dirintiskan sejak April itu, jumlah daripada gaji yang digunakan individu untuk membayar hutang juga berjaya dikurangkan kepada antara 10 dengan 30 peratus, berbanding antara 70 dengan 90 peratus sebelum ini.

“Ini bermakna mereka mempunyai jumlah wang yang lebih untuk memenuhi keperluan keluarga berdasarkan pendapatan yang sama, sementara berusaha melunaskan hutang mereka,” ujar Cik Hameet.

Selain daripada 80 kes hutang yang rumit itu, DAC juga telah mengendalikan 73 kes lain yang hanya memerlukan nasihat atau bantuan yang tidak berlanjutan.

Kesemua individu yang terlibat dalam 153 kes itu bekerja dan meraih gaji median antara \$2,300 dengan \$2,500.

Kebanyakan mereka juga, 84 peratus, sudah berkahwin dan mempunyai anak.

AMP sebelum ini menganggarkan mengedalikan 200 kes dalam tempoh dua tahun sejak DAC bermula.

“Sebelum ini kami tak dapat jangkakan berapa ramai daripada kalangan masyarakat Melayu/Islam yang terlibat tetapi lebih 150 kes dalam setakat enam bulan ini boleh dikatakan membimbangkan kerana sebelum ini, kami pun belum keluar ke khalayak ramai untuk memberitahu mereka mengenai khidmat kami,” kata Encik Sani.

DAC bertujuan menyediakan peta hala tuju yang mengandungi saranan untuk membantu golongan yang berhutang menghuraikan masalah mereka, dan bukan menawarkan bantuan kewangan.

### SOLAT

Subuh 5.37

Syuruk 6.53

Zuhur 12.58

Asar 4.01

Maghrib 7.00

Isyak 8.08



8 887181 520006